

NAMA: \_\_\_\_\_ KELAS: \_\_\_\_\_

Bahasa  
Melayu  
Pemahaman  
011  
2017  
1¼ Jam

---

---

## BAHASA MELAYU – KERTAS 1

1 Jam 15 Minit

---

---

### **JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
3. Tiap-tiap soalan bahagian A diikuti oleh empat jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang telah disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian, hitamkan jawapan yang baharu.
4. Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan.

---


**Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak**

**Soalan 1 hingga 11**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. "Ucapan perasmian Program Jati Diri yang disampaikan oleh \_\_\_\_\_ jelas amat," kata peserta kursus itu.
- A ia
  - B dia
  - C beliau
  - D mereka
2. "\_\_\_\_\_ berjanji akan membangunkan kawasan ini," titah Sultan Azamuddin Shah.
- A Hamba
  - B Patik
  - C Beta
  - D Tuanku

**Soalan 3** berdasarkan gambar di bawah



3. Amran teruja kerana dapat menyertai rakan-rakannya \_\_\_\_\_ sotong di Pulau Perhentian.
- A mencandat
  - B memukat
  - C menyauk
  - D menjala

- 4 Sungguhpun saya menetap jauh dari bandar, tidak bermakna pengetahuan saya \_\_\_\_\_ tentang isu-isu semasa.
- A cetek
  - B cangkat
  - C tohor
  - D lembik
- 5 Azman dan rakan-rakannya \_\_\_\_\_ bertolak ke Kelantan pada malam semalam.
- A masih
  - B belum
  - C telah
  - D akan

**Soalan 6** berdasarkan gambar di bawah



- 6 Pak Dahlan \_\_\_\_\_ ranting pokok yang merimbun supaya tidak menghalang pandangan.
- A memangkas
  - B menebang
  - C memotong
  - D menetak

- 7 Haikal telah ditempatkan di kawasan \_\_\_\_\_ ketika mula-mula berkhidmat sebagai seorang guru.
- A pendalaman
  - B kedalaman
  - C mendalam
  - D pedalaman
- 8 “Durian itu tidak boleh dimakan lagi kerana masih \_\_\_\_\_,” kata ayah kepada ibu.
- A lemau
  - B mengkal
  - C kelat
  - D lidas
- 9 Dia kelihatan \_\_\_\_\_ ketika duduk bersebelahan dengan bakal suaminya.
- A tersipu - sipu
  - B terhegeh - hegeh
  - C terkinja - kinja
  - D terlara – lara
- 10 Saya akan terus berusaha \_\_\_\_\_ saya masih gagal pada kali ini.
- A apabila
  - B walaupun
  - C sementara
  - D hingga

- 11 Jamilah sentiasa berada di \_\_\_\_\_ ibunya semasa dirawat di hospital.
- A tengah
  - B sudut
  - C sisi
  - D penjuru
- 12 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan **betul**.
- I Air sungai itu menjadi kabur tatkala hujan turun dengan lebatnya.
  - II Beras telah saya kabur untuk ayam ternakan saya.
  - III Penjelasan yang disampaikan oleh pegawai itu agak kabur dan mengelirukan.
  - IV Tulisannya yang kabur itu sukar dibaca oleh guru.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 13 Semasa rehat, murid yang \_\_\_\_\_ lebih suka pergi ke perpustakaan.
- A lidah pendeta
  - B tangkai jering
  - C ulat bulu
  - D ulat buku

14 Jason \_\_\_\_\_ untuk mengambil kunci rumah yang terletak di atas rak yang tinggi itu.

- A terkekeh - kekeh
- B terumbang - ambing
- C terjengket - jengket
- D teraba - raba

15 *Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.*

“Lemang dan rendang kambing yang dihidangkan oleh ibu sungguh enak,” kata ayah kepada adik.

- A Adik dan ayah sedang menikmati lemang dan rendang kambing masakan ibu yang sungguh enak.
- B Ayah memberitahu adik tentang keenakan lemang dan rendang kambing yang telah disajikan oleh ibu.
- C Adik diberitahu tentang keenakan lemang dan rendang kambing yang dimasak oleh ibu dan ayah mereka.
- D Adik dan ayah diberitahu tentang kepandaian ibu membuat lemang dan rendang kambing yang sangat enak.

### **Soalan 16**

*Pilih ayat yang **betul**.*

- 16 A Pemilik kedai buku itu melelong berbagai jenis buku.
- B Kedua orang anak Encik Hamid bekerja sebagai doktor.
- C Setengah penduduk di kampung itu memiliki kereta.
- D Banyak kanak-kanak bermain di taman permainan itu.

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan berikutnya.*

Aku menjiwai naluri seorang pengembara. Biarpun aku anak jati Kuala Lumpur, aku suka menjelajahi daerah hijau yang menyerlahkan keindahan perkampungan desa. Aku ingin mengembara dengan menunggang basikal. Setelah mendapat keizinan ayah dan ibu, aku pun mengayuh basikal kesayanganku ke selatan tanah air. Sebondot pakaian dan sejumlah kecil wang menjadi bekalanku.

Pada hari pertama, aku mengayuh basikal sejauh 48 km. Selepas menempuh pelbagai cabaran dan dugaan, akhirnya aku sampai di bandar Seremban. Aku bermalam di sebuah masjid.

Pada hari kedua, perjalanan sejauh 28 km kutempuhi dalam hujan dan panas. Aku singgah di rumah kenalanku, Hafiz. Hafiz ingin mengikutku. Malam itu, bermalam pula aku di rumahnya.

Keesokan harinya, kami mengayuh basikal ke selatan. Tayar basikal Hafiz pancit. Hafiz memboncengku sambil menuntun basikalnya ke kedai basikal. Malam itu, kami melelapkan mata di sebuah surau di sebuah taman perumahan.

Pada hari berikutnya, kami meneruskan pengembaraan ke Bandar Hilir, Melaka. Sepanjang perjalanan, kami melihat pelbagai panorama yang indah, sawah padi yang menguning, bukit bukau dan gunung-ganang serta program pembangunan yang pesat di sana sini. Akhirnya, kami selamat sampai di rumah datuk dengan baju yang dibasahi peluh. Terkebil-kebil mata datuk apabila melihat aku dan Hafiz tercegat di hadapannya.

- 17 Apakah masalah yang mungkin akan dihadapi oleh seseorang pengembara?
- A Sumber kewangan
  - B Ilmu pengetahuan
  - C Gangguan penyangak
  - D Gendala dan rintangan
- 18 Ke manakah tujuan penulis?
- A Johor.
  - B Melaka.
  - C Singapura.
  - D Negeri Sembilan.
- 19 Apakah aral yang terpaksa dihadapi oleh penulis semasa mengembara?
- A Kehabisan wang.
  - B Hujan dan panas.
  - C Kawasan berbukit
  - D Ketiadaan tempat penginapan.
- 20 Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.
- A Penulis menumpang tidur di masjid.
  - B Kegemaran penulis dan kawannya adalah seiring.
  - C Perjalanan penulis mengambil tempoh selama empat hari.
  - D Semasa tayar basikalnya pancit, Hafiz menunggang basikal penulis.



NAMA: \_\_\_\_\_ KELAS: \_\_\_\_\_

Bahasa  
Melayu  
Pemahaman  
011  
2017  
1¼ Jam

---



---

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN 011**

**BAHAGIAN B**

---



---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini

Serahkan bahagian B bersama sama borang jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa		
Nombor Soalan	Markah	
<b>21</b>		
<b>22</b>	a	
	b	
	c	
<b>23</b>	a	
	b	
	c	
<b>24</b>	a	
	b	
	c	
	d	
<b>25</b>	a	
	b	
	c	
	d	
<b>JUMLAH</b>		<b>30</b>

**Bahagian B**  
**( 30 markah )**

**Soalan 21**

(a) Tulis **betul** atau **salah** bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat.

(i) Pengerusi majlis itu memulakan ucapannya dengan menyampaikan  
kata-kata aluan.

(ii) Agenda terakhir dalam mesyuarat itu ialah hal - hal lain.

( 2 markah )

(b) **Garis** jawaban yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

(i) Setiap murid dikehendaki mencipta ( sebaris , serangkap , sepatah )  
pantun.

(ii) ( Sejambak , Sekuntum , Sejambangan ) bunga terselit pada sanggul  
Puteri Izzati.

(iii) Sebanyak enam ( angkatan , gerombolan , pasukan ) Pengakap telah  
menyertai Jambori Pengakap Negeri Pulau Pinang 2017.

( 3 markah )

**Soalan 22**

(a) Tulis jawaban yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

Soalan : Adakah kamu yang mendapat anugerah Tokoh Murid pada tahun  
lepas ?

Jawaban :

---



---

( 2 markah )

(b) Soalan berikut berdasarkan dialog di bawah

Sarah : Aduh, penatnya hari ini! Kalau sampah sarap ini aku bersihkan seorang diri , tentu aku tidak berdaya.

Adilah : Sebab itulah kita adakan gotong-royong ini, Sarah. Kerja - kerja ini dapat kita lakukan bersama-sama.

Nyatakan *peribahasa* yang sesuai berdasarkan dialog di atas.

---



---

( 2 markah )

### Soalan 23

(a) Tandakan (  $\checkmark$  ) bagi kata ganda yang betul berdasarkan ayat di bawah.

(i) Abang dimarahi ibu kerana biliknya \_\_\_\_\_.

pontang-panting ( ) tunggang-langgang ( ) lintang-pukang ( )

(ii) Kelas itu \_\_\_\_\_ ketika guru tiada di dalam kelas.

huru-hara ( ) kacau-bilau ( ) hingar-bingar ( )

( 2 markah )

- (b) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Peragawati yang sedang memperagakan pakaian tradisional itu berjalan _____ dan lemah gemalai.		senggang
Pada masa _____, Izzati akan membaca buku dan mengulang kaji pelajaran.		lenggang
Ayam _____ itu sangat enak rasanya.		gagang
Telefon awam itu tidak dapat digunakan kerana _____ telah rosak.		panggang

( 2 markah )

**Soalan 24**

Baca cerita di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini amat bermakna bagi kami sekeluarga kerana pada tahun ini Along akan pulang dari perantauan. Along berjaya melanjutkan pelajaran di Perancis setelah berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM. Sudah hampir dua tahun Along di sana. Kami sekeluarga amat merindui Along.

Menurut pesanan ringkas yang dihantar oleh Along, dia bercuti selama dua bulan. Dapatlah Along menghabiskan masa cuti bersama keluarga. Dapat juga Along menghabiskan cuti bersama adik beradik dan sanak-saudara.

Hari itu, ketika hampir waktu maghrib, Along pun sampai. Along pulang dengan kawan. Kami sekeluarga menanti kepulangan Along di rumah. Mak Lang serta Mak Teh sekeluarga turut berada di rumah kami menunggu ketibaan Along. Kami menyambut kepulangan Along dengan rasa syukur dan gembira. Along masih tidak berubah. Masih seperti dulu, peramah dan menghormati orang tua. Along turut menggemirakan kami dengan membawa **oleh-oleh** dari Perancis.

Keesokan harinya, kami mengadakan majlis kesyukuran. Sanak saudara, jiran tetangga serta rakan taulan turut hadir dalam majlis kesyukuran tersebut.

- (a) Perkataan **oleh-oleh** dalam petikan di atas boleh digantikan dengan

\_\_\_\_\_.

( 1 markah )

(b) Siapakah yang turut menunggu ketibaan Along di rumah kami ?

---

---

( 2 markah )

(c) Apakah nilai murni yang terdapat pada Along?

---

---

( 2 markah )

(d) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan belajar di luar negara ?

---

---

---

( 3 markah )

## Soalan 25

Baca catatan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

8.00 pagi

Pak Samad dan Pak Karim masih berada di kandang lembu di belakang rumah. Beberapa orang penduduk Kampung Medan turut berada di situ untuk sama-sama membantu ayah. Beberapa orang kaum ibu berada di bilik pengantin untuk menyiapkan pelamin. Faizal dan rakan-rakannya pula sedang mendirikan khemah.

9.30 pagi

Lauk-pauk serta nasi minyak sudah tersedia di atas dapur. Tunggu semuanya masak sahaja.

11.30 pagi

Para tamu mulai tiba. Ayah dan ibu agak sibuk melayan tetamu. Biarpun kepenatan, namun senyuman tetap terukir pada wajah masing-masing. Kawan-kawanku, Raju, Lingam dan Ah Seng turut hadir . Aku menyambut mereka dengan senyuman.

12.30 tengah hari

Kedengaran kompang dipalu, tandanya pengantin sudah tiba. Abangku dan pasangannya tampak sama cantik sama padan. Pasangan pengantin itu diiringi ke khemah untuk menikmati makanan yang disediakan.

- (a) Apakah yang mungkin dilakukan oleh Pak Samad dan Pak Karim pada awal pagi itu ?

---

---

( 2 markah )

(b) Di manakah majlis kenduri tersebut diadakan ?

---

---

( 2 markah )

(c) Apakah peribahasa yang sesuai tentang pasangan pengantin yang digambarkan dalam catatan di atas?

---

---

( 2 markah )

(d) Pada pendapat kamu, adakah aktiviti gotong - royong dalam majlis kenduri-kendara masih diamalkan hingga kini ? Huraikan.

---

---

---

( 3 markah )

**KERTAS SOALAN TAMAT**